Lim Hun Giap dan satu lagi lwn Mok Chee Wai dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — SAMAN PEMULA NO D9–26–13 TAHUN 2001
RAMLY ALI PK
8 MEI 2001

Acara Sivil *— Afidavit — Jurat — Jurat tidak mengikut format seperti dalam Borang 78 — Sama ada jurat mesti mengandungi tajuk tindakan — Sama ada kecacatan boleh dimaafkan — Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 41 k 1(7) dan (8)*

Acara Sivil *— Afidavit — Penyampaian — Sama ada afidavit disampaikan dalam tempoh 14 hari dari tarikh saman dalam kamar — Sama ada tempoh masa 14 hari mandatori — Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 32 k 13(2)(a)*

Acara Sivil *— Bantahan permulaan — Notis kepada penentang — Sama ada notis yang tidak mencukupi diberikan — Sama ada notis yang tidak mencukupi mengatasi bantahan permulaan — Sama ada notis diperlukan — Kaedah Majlis Peguam No 19 Tahun 1997*

Acara Sivil *— Injunksi — Ganti rugi — Permohonan untuk injunksi interim mandatori sehingga pendengaran petisyen — Sama ada pempetisyen dikehendaki memberi akujanji berkaitan dengan ganti rugi*

Acara Sivil *— Injunksi interim mandatori — Permohonan — Permohonan untuk injunksi sehingga perbicaraan petisyen — Sama ada permohonan untuk injunksi boleh dibuat melalui tindakan yang dimulakan dengan petisyen — Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 29 k 1*

Acara Sivil *— Saman dalam kamar — Alasan permohonan — Alasan dinyatakan dalam afidavit sokongan yang dirujuk secara khusus dalam Borang 62 — Sama ada alasan permohonan mesti dinyatakan secara khusus dalam saman — Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 32 k 1*

Pempetisyen telah memfailkan satu petisyen (kandungan 1) memohon beberapa relif terhadap responden. Melalui satu saman dalam kamar (kandungan 3) bertarikh 22 Mac 2001, pempetisyen telah memohon beberapa perintah yang hampir serupa dengan kandungan 1, yang antara lain, memohon perintah mahkamah mengarahkan responden membuat beberapa perkara. Saman dalam kamar itu disokong oleh afidavit yang diikrarkan oleh dua orang deponen. Pada 20 April 2001, iaitu tarikh pendengaran untuk saman dalam kamar, responden telah membangkitkan lima bantahan awal terhadap saman dalam kamar tersebut. Isu-isu untuk diputuskan adalah: (i) sama ada terdapat perlanggaran A 29 k 1 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') iaitu sama ada satu permohonan injunksi boleh dibuat bagi tindakan yang dimulakan melalui 'petisyen'; (ii) sama ada terdapat perlanggaran A 32 k 1 KMT iaitu tiada pematuhan Borang 62 kerana pempetisyen tidak menyatakan

alasan-alasan permohonan di dalam borang berkenaan tetapi dinyatakan melalui afidavit sokongan yang dirujuk secara khusus di dalam Borang 62 itu; (iii) sama ada terdapat perlanggaran A 32 k 13(2)(a) KMT kerana saman dalam kamar dan afidavit sokongan diserahkan kepada peguamcara responden melebihi 14 hari dari tarikh saman dalam kamar itu; (iv) sama ada terdapat perlanggaran A 41 k 1(7) dan (8) KMT kerana afidavit sokongan tidak mengandungi jurat mengikut format di dalam Borang 78 KMT iaitu tidak mempunyai tajuk seperti tajuk di dalam permohonan tersebut; (v) sama ada pempetisyen perlu memberi akujanji kerugian bagi perintah injunksi; dan (vi) sama ada bantahan awal reponden tidak patut diterima kerana responden gagal memberikan notis mengenainya dalam tempoh yang mencukupi seperti yang dikehendaki di bawah Kaedah Majlis Peguam No 19 Tahun 1997.

Diputuskan, menolak permohonan pempetisyen dengan kos dan menerima bantahan awal (i), (iii), (iv) dan (v) responden:

(1) Setelah meneliti semua permohonan pempetisyen dalam saman dalam kamar, mahkamah memutuskan bahawa permohonan tersebut adalah merupakan permohonan untuk perintah injunksi mandatori secara interim, sehingga perbicaraan petisyen. Oleh itu, peruntukan A 29 k 1 KMT adalah terpakai di mana permohonan perintah injunksi hanya untuk tindakan-tindakan yang dimulakan dengan writ, saman pemula, tuntutan balas atau pihak ketiga sahaja. Permohonan injunksi tidak boleh dibuat bagi tindakan yang dimulakan melalui 'petisyen' (lihat ms 456D–G).

(2) Pempetisyen telahpun memenuhi dan mematuhi kehendak Borang 62 kerana alasan-alasan permohonan boleh dinyatakan terus di dalam Borang 62 tersebut ataupun boleh juga dinyatakan melalui afidavit yang berasingan yang dirujuk secara khusus di dalam Borang 62 itu (seperti dalam kes ini) (lihat ms 457C–D).

(3) Aturan 32 k 13(2)(a) KMT menggunakan perkataan 'must'. Ini bermakna adalah mandatori untuk mematuhinya. Pempetisyen mesti (mandatori) menfail dan menyerahkan afidavit sokongan berkenaan kepada responden atau peguamnya dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan saman dalam kamar difailkan pada 22 Mac 2001 (lihat ms 457H).

(4) Afidavit sokongan tidak mengandungi jurat mengikut format di dalam Borang 78 KMT iaitu tidak mempunyai tajuk seperti tajuk di dalam permohonan tersebut. Kegagalan untuk mematuhi kehendak A 41 k 1(7) dan (8) KMT adalah merupakan satu kecacatan yang serius yang tidak boleh dimaafkan di bawah A 2 k 1 atau A 41 k 4 KMT (lihat ms 458F, 459G).

(5) Permohonan saman dalam kamar yang dibuat oleh pempetisyen adalah berbentuk permohonan injunksi mandatori. Oleh itu, ciri-

ciri dan syarat-syarat lazim bagi sesuatu permohonan injunksi, contohnya mengenai akujanji ganti rugi/kerosakan perlu disediakan terlebih dahulu sebelum sesuatu perintah berkenaan dibuat. Mahkamah perlu berpuas hati juga bahawa pempetisyen berupaya untuk memenuhi akujanji tersebut. Di dalam kes ini tiada sebarang akujanji sedemikian yang telah diberikan oleh pempetisyen (lihat ms 460E–G).

(6) Kaedah Majlis Peguam No 19 Tahun 1997 tidak dapat membantu dalam perkara itu kerana kaedah itu sendiri memperuntukkan bahawa kaedah tersebut tidak akan menjejaskan bidang kuasa atau budi bicara mahkamah dalam perkara itu dan juga sekiranya pihak pemohon gagal mematuhi tempoh 48 jam tersebut, remedi bagi pihak yang lagi satu ialah untuk memohon penangguhan pendengaran bantahan awal tersebut dan pemohon tidak boleh membantah permohonan penangguhan tersebut. Notis awal bagi bantahan awal bukannya satu keperluan undang-undang. Ia hanyalah merupakan satu amalan yang elok sahaja (lihat ms 461C–D, G).

[**English summary**

The petitioner had filed a petition (encl 1) seeking relief against the respondent. By a summons in chambers (encl 3) dated 22 March 2001, the petitioner had filed several orders similar to encl 1, that, inter alia, sought an order of court directing the respondent to perform several acts. The summons in chambers was supported by an affidavit affirmed by two deponents. On 20 April 2001, ie the date of hearing the summons in chambers, the respondent raised five preliminary objections in connection with the said summons in chambers. The issues to be decided were: (i) whether there was breach of O 29 r 1 of the Rules of the High Court 1980 ('the RHC') ie whether an application for injunction could be made for an action commenced by 'petition'; (ii) whether there was breach of O 32 r 1 of the RHC, ie non-compliance of Form 62 as the petitioner did not state the grounds of application in the form but these were stated through an affidavit in support that was specifically referred to in Form 62; (iii) whether there was breach of O 32 r 13(2)(a) of the RHC because the summons in chambers and affidavit in support were served on the respondent's counsel later than 14 days from the date of the summons in chambers; (iv) whether there was breach of O 41 r 1(7) and (8) of the RHC because the affidavit in support did not contain jurat in accordance with the format in Form 78 of the RHC, ie it was not titled as per the title in the application; (v) whether the petitioner was required to give an undertaking on loss for the injunction order; and (vi) whether the respondent's preliminary objection ought not to be allowed because the respondent failed to give notice of it within the adequate time frame as required under Bar Council Rule No 19 of 1997.

Held, dismissing the petitioner's application with costs and allowing preliminary objections (i), (iii), (iv) and (v) of the respondent:

(1) Having scrutinized all the petitioner's applications in the summons in chambers, the court held that the application amounted to an application for a mandatory interim injunction order, until the hearing of the petition. Therefore, the provision of O 29 r 1 of the RHC applied where the application for an injunction order is only limited to actions commenced by writ, originating summons, counterclaims or third party claims. Injunction orders cannot be made in respect of actions commenced by a 'petition' (see p 456D–G).

(2) The petitioner had already fulfilled and complied with the requirements of Form 62 since the grounds of an application may be directly stated in Form 62 thereof or they could also be stated by a separate affidavit specifically referred to in Form 62 (as in this case) (see p 457C–D).

(3) Order 32 r 13(2)(a) of the RHC uses the word 'must'. This means it is mandatory to comply with it. The petitioner must (mandatory) file and serve an affidavit in support on the respondent or his counsel within 14 days from the date the application for summons in chambers was filed on 22 March 2001 (see p 457H).

(4) The affidavit in support did not contain a jurat in accordance with the format in Form 78 of the RHC, ie it was not titled as per the title in the application. Failure to comply with the requirements of O 41 r 1(7) and (8) of the RHC amounts to a serious defect that cannot be cured under O 2 r 1 or O 41 r 4 of the RHC (see pp 458F, 459G).

(5) The application for summon in chambers made by the petitioner was in the form of an application for a mandatory injunction. Therefore, the usual features and conditions for an application for injunction, for instance an undertaking on damages/loss ought to be prepared prior to the making the relevant order. The court had also to be satisfied that the petitioner was able to fulfil the undertaking. In this case, there was no indication that any such undertaking had been given by the petitioner (see p 460E–G).

(6) Bar Council Rule No 19 of 1997 could not assist in this matter because the rule itself provides that it will not affect the jurisdiction or discretion of the court in the matter and also in the event the applicant fails to comply with the time limit of 48 hours, the remedy for the other party is to apply for the postponement of the hearing of the preliminary objection and the applicant shall not object to the application for postponement. Advance notice for preliminary objections is not a requirement of law. It is merely good practice (see p 461C–D, G).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai penyampaian afidavit, lihat 2(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan-perenggan 403–407
.
Untuk kes-kes mengenai jurat, lihat 2(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan-perenggan 386–388.
Untuk kes mengenai permohonan untuk injunksi interim mandatori, lihat 2(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan 2891.
Untuk kes-kes mengenai bnatahan awal, lihat 2(3) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan-perenggan 4904–4925.

Kes-kes yang dirujuk

American Cynamid Co v Ethicon Ltd [1975] 1 All ER 504 (dirujuk)
Keet Gerald Francis Noel John v Mohd Noor bin Abdullah & Ors [1995] 1 MLJ 193 (dirujuk)
Datuk Bandar Kuala Lumpur v Seman bin Amat & Ors [1996] 3 CLJ 263 (dirujuk)
Dr Woo Kin Chong v Mary Ou Holdings Sdn Bhd [1997] 5 CLJ 164 (dirujuk)
Fung Yuh Lien v Foong Chee Sam [2000] 6 CLJ 411 (dirujuk)
Gurbachan Singh v Seagrott & Campbell (No 2) [1962] 28 ML 370 (dirujuk)
Han Euu Tiam v Phang Kui Fatt [1999] 4 MLJ 683 (dirujuk)
Jasabena Sdn Bhd v Beh Heng Poo & Anor [1985] 1 MLJ 394 (dirujuk)
Ooi Chew Seng v Ultratech Sdn Bhd [1997] 5 CLJ 421 (dirujuk)
Perbadanan Nasional Insurans Sdn Bhd v Pua Lai Ong [1996] 3 MLJ 85 (dirujuk)
Sii Toh Siong v Hung Ming Chu [2000] 2 MLJ 204 (dirujuk)
Ting Hua View v Ace Commercial Enterprise [1996] 2 MLJ 678 (dirujuk)
Utama Merchant Bank Bhd v Dato' Mohd Nadzmi Mohd Salleh [2001] 1 MLJ 317 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 2 k 1, A 32 kk 1, 13(2)(a), A 25 k 7, A 29 k 1, A 41 kk 1(7), (8), 4, Borang 62, 78
Kanun Jenayah ss 191, 192, 193, 194, 195, 196

Ee Tee Gin (*Uma Parvathy* bersama beliau) (*Ee & Associates*) bagi pihak pempetisyen.
EK Sng (*Sng & Co*) bagi pihak responden.

Ramly Ali PK:

Pendahuluan

Melalui satu petisyen (kandungan 1), pempetisyen memohon perintah-perintah berikut:

(a) satu perintah mengarah responden ketiga supaya menyerah semua buku-buku status, akaun-akaun dan buku daftar responden-responden keempat dan kelima kepada mahkamah yang mulia ini dalam masa tujuh hari dari notis permulaan prosiding;

(b) satu perintah kepada responden-responden pertama dan kedua supaya segera dan dengan serta-merta menyerah semua invois, resit, penyata akaun responden-responden keempat dan kelima kepada mahkamah yang mulia ini dalam masa tujuh hari dari notis permulaan prosiding;

(c) satu perintah bahawa satu penerima dan pengurus dilantik dengan segera untuk mengesahkan semua kenyataan di atas dengan menerima semua dokumen dan buku yang dinyatakan di (a) dan (b) dalam masa tujuh hari dari notis permulaan prosiding;

(d) satu perintah bahawa sehingga penyelesaian guaman, responden-responden keempat dan kelima dengan serta-merta menghentikan operasinya dalam masa tujuh hari dari notis permulaan prosiding;

(e) relif di bawah s 181(2)(e) Akta Syarikat 1965 dibaca dengan A 88 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT');

Petisyen tersebut telah ditetapkan untuk perbicaraan pada 15 Jun 2001.

Melalui satu saman dalam kamar (kandungan 3) bertarikh 22 Mac 2001 berserta dengan perakuan segera bertarikh 22 Mac 2000 (kandungan 5), pempetisyen memohon perintah yang hampir serupa dengan kandungan 1, seperti berikut:

(a) Satu perintah untuk mengarah responden ketiga, Wong You Fook, dengan kadar yang segera dan serta-merta menyerah semua buku-buku status, akaun-akaun dan buku daftar (salinan) responden-responden keempat dan kelima kepada mahkamah yang mulia ini.

(b) Satu perintah kepada responden-responden pertama dan kedua supaya dengan kadar yang segera dan serta-merta menyerah semua invois, resit, penyata akaun (salinan) responden-responden keempat dan kelima kepada mahkamah yang mulia ini.

(c) Satu perintah bahawa satu penerima dan pengurus dilantik dengan segera dan serta-merta untuk mengesahkan semua kenyataan di atas dengan menerima semua dokumen dan buku yang dinyatakan di (a) dan (b) di atas.

(d) Satu perintah supaya penerima dan pengurus tersebut diberi satu bulan dari tarikh yang ditetapkan di atas untuk memberi satu laporan kepada mahkamah yang mulia ini mengenai penyiasatan/keputusannya tentang kedudukan responden-responden.

Pada 20 April 2001 iaitu tarikh pendengaran untuk saman dalam kamar (kandungan 3) responden telah membangkitkan lima bantahan awal terhadap saman dalam kamar tersebut. Kelima-lima bantahan awal tersebut menyentuh isu-isu berikut:

(i) Aturan 29 k 1 KMT;

(ii) Aturan 32 k 1 KMT;

(iii) Aturan 32 k 13(2)(a) KMT;

(iv) Aturan 41 k 1(7) & (8) KMT;

(v) Akujanji kerugian bagi perintah injunksi. A

Responden telah mengemukakan hujahan bertulisnya pada hari tersebut (20 April 2001), manakala pempetisyen telah diberi tempoh sehingga 24 April 2001 untuk mengemukakan hujahan bertulisnya, dan selepas itu responden diberi peluang untuk menjawab hujahan tersebut sehingga 30 April 2001. Alasan penghakiman ini adalah berkaitan dengan bantahan- B bantahan awal yang telah ditimbulkan oleh responden.

Bantahan awal pertama

Aturan 29 k 1 KMT C

Responden mendakwa bahawa permohonan pempetisyen di dalam saman dalam kamar (kandungan 3) merupakan permohonan perintah injunksi interim untuk memerintahkan responden menyerahkan pelbagai dokumen kepada mahkamah, sama seperti perintah Anton Piller. Mengikut responden, perintah injunksi interim tidak boleh dipohon jikalau tindakan D tersebut dimulakan dengan satu 'petisyen'. Pada responden, mengikut A 29 k 1 KMT, injunksi interim hanya boleh dipohon jika tindakan berkenaan dimulakan dengan writ, saman pemula, tuntutan balas atau pihak ketiga sahaja.

Setelah meneliti kesemua permohonan pempetisyen (perenggan a, b, c, dan d) dalam saman dalam kamar (kandungan 3), saya berpendapat dan E memutuskan bahawa permohonan tersebut merupakan permohonan untuk perintah injunksi mandatori secara interim, sehingga perbicaraan petisyen (kandungan 1). Oleh kerana itu, peruntukan A 29 k 1 KMT adalah terpakai. Aturan 29 k 1 KMTmemperuntukkan:

(1) 'An application for the grant of an injunction may be made by any party F to a cause or matter before or after the trial of the cause or matter, whether or not a claim for the injunction was included in that *party's writ, originating summons, counter claim or third party, as the case maybe*'. (Penekanan ditambah.)

Dari peruntukan di atas, jelas menunjukkan bahawa permohonan perintah G injunksi hanya untuk tindakan-tindakan yang dimulakan dengan writ, saman pemula, tuntutan balas atau pihak ketiga sahaja. Saya bersetuju dengan peguam responden bahawa permohonan injunksi tidak boleh dibuat bagi tindakan yang dimulakan melalui 'petisyen'. Oleh itu saya membenarkan bantahan awal ini.

H

Bantahan awal kedua

Aturan 32 k 1 KMT

Responden menghujahkan bahawa permohonan pempetisyen (SDK kandungan 3) tidak mengikut Borang 62 KMT di mana permohonan I tersebut tidak mempunyai alasan-alasan permohonan. Oleh itu, pempetisyen telah gagal memenuhi kehendak mandatori borang tersebut.

Borang 62 KMT berkaitan dengan peruntukan A 32 k 1 KMT yang menyatakan: 'Except as provided by O 25 r 7, every application in chambers must be made by summons in Form 62'. (Aturan 25 k 7 adalah mengenai permohonan interlokutori berkaitan saman untuk arahan — yang tiada kaitan dengan kes ini). Borang 62 menghendaki pemohon di dalam sesuatu permohonan saman dalam kamar menyatakan alasan-alasan permohonan tersebut dibuat. Di dalam permohonan ini, pempetisyen tidak menyatakan alasan-alasan permohonan di dalam borang berkenaan. Sebaliknya, apa yang dinyatakan oleh pemohon di dalam borang tersebut ialah:

> Alasan-alasan permohonan ini adalah seperti yang terkandung dalam afidavit Lim Hun Giap (KP No 640424–01–5755) dan Goh Swee Hock (KP No 561104–08–6065) yang diikrarkan pada … haribulan Mac 2001 dan difailkan bersama ini.

Afidavit yang dimaksudkan sememangnya ada dilampirkan bersama dengan saman dalam kamar (kandungan 3) tersebut sebagai (kandungan 4). Oleh yang demikian, saya berpendapat dan memutuskan bahawa pempetisyen telahpun memenuhi dan mematuhi kehendak Borang 62 melalui penyataannya yang tersebut di atas. Alasan-alasan permohonan boleh dinyatakan terus di dalam Borang 62 tersebut, ataupun boleh juga dinyatakan melalui afidavit yang berasingan yang dirujuk secara khusus di dalam Borang 62 itu (seperti dalam kes ini). Oleh itu, saya menolak bantahan awal kedua ini.

Bantahan awal ketiga

Aturan 32 k 13(2)(a) KMT

Responden menyatakan bahawa sesalinan permohonan saman dalam kamar (kandungan 3) serta afidavit sokongannya telah diserahkan kepada peguamcara responden pada 9 April 2001, manakala tarikh permohonan tersebut difailkan adalah pada 22 Mac 2001. Ini bermakna tempoh serahnya telah melebihi 14 hari dan telah melanggar peruntukan A 32 k 13(2)(a) KMT. Mengikut responden, permohonan tersebut, serta afidavit sokongannya patut diserahkan pada atau sebelum 5 April 2001. Aturan 32 k 13(2)(a) KMT menyatakan:

> (2) Save as otherwise provided in these rules —
> (a) an affidavit intended to be used in support of an application must be filed and served on the other party within 14 days from the date of the filing of the application.'

Aturan di atas menggunakan perkataan 'must'. Ini bermakna ia adalah mandatori untuk mematuhinya. Pempetisyen mesti (mandatori) memfail dan menyerahkan afidavit sokongan berkenaan (kandungan 4) kepada responden atau peguamnya dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan saman dalam kamar (kandungan 3) yang difailkan pada 22 Mac 2001 (lihat keputusan Siti Norma Yaakob HMR di dalam kes *Perbadanan Nasional Insurans Sdn Bhd v Pua Lai Ong* [1996] 3 MLJ 85). Di dalam kes *Ting Hua View v Ace Commercial Enterprise* [1996] 2 MLJ 678, isu yang sama seperti

dalam kes ini, iaitu mengenai A 32 k 13(2)(a) KMT telah dipertimbangkan. Abdul Kadir Sulaiman H, dalam kes ini telah memutuskan:

> Aturan 32 k 13(2) memakai perkataan imperatif 'mestilah' yang merupakan suatu perkataan obligasi mutlak dalam maksud biasa. Justeru itu, kegagalan plaintif dalam menyampaikan afidavit ke atas defendan dalam had tempoh yang dibenarkan oleh kaedah itu menyebabkan afidavit tersebut tidak boleh diterima. Aturan 2 k 1 KMT tidak dapat membantu plaintif sebab tiada alasan telah diberikan bagi kelewatan dalam penyampaian afidavit tersebut. Maka permohonan plaintif tidak mempunyai sebarang bukti yang menyokong.

Saya amat bersetuju dengan keputusan Abdul Kadir Sulaiman H, seperti di atas dan memutuskan bahawa keputusan tersebut adalah terpakai kepada permohonan yang di hadapan saya sekarang ini. Oleh itu, bantahan awal ketiga ini diterima. Permohonan pempetisyen di dalam saman dalam kamar (kandungan 3) boleh ditolak di atas alasan yang sama.

Bantahan awal keempat

Aturan 41 k 1(7) & (8) KMT

Responden juga membuat bantahan bahawa afidavit sokongan pempetisyen tidak mengikut jurat seperti di dalam Borang 78 KMT. Aturan 41 k 1(7) dan (8) menyatakan:

> (7) Every affidavit must be signed by the deponent and the *jurat must be completed and signed by the person before whom it is sworn*.
>
> (8) A jurat must be in one of the forms in Form 78.

Penelitian ke atas afidavit di kandungan 4 yang digunakan untuk menyokong permohonan saman dalam kamar (kandungan 3) tidak mengandungi jurat mengikut format di dalam Borang 78 KMT iaitu tidak mempunyai tajuk seperti tajuk di dalam permohonan tersebut. Format jurat yang digunakan oleh pempetisyen di dalam kandungan 4 adalah seperti berikut:

> Diikrarkan oleh Lim Hun Giap
> (KP No 640424–01–5755
> di Kuala Lumpur pada
> 22 Mac 2001
>
> Di hadapan saya
> tt
> ...
> Persuruhjaya Sumpah
>
> Diikrarkan oleh Goh Swee Hock
> (NRIC No 561104–08–6065
> di Kuala Lumpur pada
> 22 Mac 2001
>
> Di hadapan saya
> tt
> ...
> Persuruhjaya Sumpah

Manakala format jurat yang sepatut digunakan oleh pempetisyen (di mana terdapat dua orang deponen) mengikut Borang 78 adalah seperti berikut:

No 78
FORM OF JURAT (O 41 r l)
(Title as in action)

(b) To an affidavit by two or more deponents … Sworn (or affirmed) by the deponents … and … (or by both (or all) of the abovenamed deponents) on the … day of … 19… at (through the interpretation of…)

Before me
…
Commissioner for Oath

Di dalam keputusan saya yang terdahulu mengenai isu yang sama, di dalam kes *Utama Merchant Bank Bhd v Dato' Mohd Nadzmi Mohd Salleh* [2001] 1 MLJ 317, saya telah memutuskan:

> I agree that a jurat is a certificate by itself and thus needs to be entitled as in the action. To my mind, the title of the action must form part of the jurat as provided in Form 78. The words '(Title as in action)', appearing at the top part of the Form is not merely for decorative purpose. It is meant to be included in the jurat as a form of a certificate. The only place in O 41 which makes reference to Form 78 is under r (8). So, the whole Form 78 must specifically refer to r 1(8) only. Thus, to my mind, the 'title as in action' stated at the top of Form 78 must refer and be part of the jurat.

Dalam kes tersebut, mengenai isu yang sama, saya juga telah memutuskan:

> The phrase 'the jurat must be completed' in O 41 r 1(7) RHC is very significant to the present case. It is a mandatory requirement that the jurat, as in Form 78, must be completed. The word 'must' indicates its mandatory nature. The word 'complete' means 'having all the necessary and appropriate parts' as defined in the *Concise Oxford Dictionary* (10th Ed).

Kesan mandatori bagi peruntukan tersebut juga telah diputuskan dalam kes-kes *Perbadanan Nasional Insurans Sdn Bhd v Pua Lai Ong*; *Han Euu Tiam v Phang Kui Fatt* [1999] 4 MLJ 683; *Mohd Nazir bin Badar Shair v Timbalan Menteri Dalam Negeri* [2000] 2 MLJ 559 dan *Fung Yuh Lien v Foong Chee Sam* [2000] 6 CLJ 411. Kegagalan untuk mematuhi kehendak A 41 k 1(7) dan (8) KMT merupakan satu kecacatan yang serius yang tidak boleh dimaafkan di bawah A 2 k 1 atau A 41 k 4 KMT. Di sini saya ingin mengulangi keputusan saya di dalam kes *Utama Merchant Bank Bhd v Dato' Mohd Nadzmi Mohd Salleh* mengenai isu ini:

> It is a general rule that all rules and forms under the RHC must be complied with for the purpose of uniformity and certainty. The powers under O 2 r l and O 41 r 4 are exceptions to the general rule. There must be strong justification why litigants cannot comply with those general rules in order for the court to exercise such powers. A mere omission or oversight on the part of litigants should not be an excuse to invoke those powers. Otherwise the 'exception' will become the rule and the purpose of drafting all those rules will be defeated.
>
> An affidavit may not be accepted if the irregularity is so serious despite the fact that it may not prejudice the other party. In the present case, although

> the defendant was not prejudiced by the affidavits, the defects in the affidavits were so serious that they could not be cured under O 2 r 1 RHC.

Saya fikir keputusan di atas juga terpakai kepada permohonan pempetisyen di dalam kes ini. Oleh itu saya memutuskan bahawa bantahan awal keempat ini diterima dan dibenarkan.

Bantahan awal kelima

Akujanji kerugian bagi perintah injunksi

Bagi sesuatu perintah injunksi, mahkamah memerlukan satu akujanji yang dibuat oleh pempetisyen atau peguamnya untuk bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan atau kerugian yang akan dialami oleh responden seandainya kelak didapati bahawa perintah injunksi tersebut telah tersalah dibuat. Prinsip ini telah diputuskan dalam kes *American Cynamid Co v Ethicon Ltd* [1975] 1 All ER 504 dan telah diterimapakai oleh Mahkamah Rayuan di dalam kes *Keet Gerald Francis Noel John v Mohd Noor bin Abdullah & Ors* [1995] 1 MLJ 193, di mana Gopal Sri Ram HMR telah memutuskan:

> Apart from such cases, the judge is entitled to take into account the plaintiffs ability to meet his undertaking in damages should the suit fail, and in appropriate cases, may require the plaintiff to secure his undertaking, for example by providing a bank guarantee.

Seperti yang telah diputuskan sebelum ini bahawa permohonan saman dalam kamar (kandungan 3) yang dibuat oleh pempetisyen adalah berbentuk permohonan injunksi mandatori. Oleh itu ciri-ciri dan syarat-syarat lazim bagi sesuatu permohonan injunksi, contohnya mengenai akujanji ganti rugi/kerosakan perlu disediakan terlebih dahulu sebelum sesuatu perintah berkenaan dibuat. Mahkamah perlu berpuashati juga bahawa pempetisyen berupaya untuk memenuhi akujanji tersebut. Akujanji tersebut semestinya bukan merupakan satu akujanji yang kosong, sebaliknya mesti disokong dengan bukti bahawa pempetisyen mempunyai kedudukan kewangan yang mencukupi untuk memenuhi akujanji tersebut jika perlu.

Di dalam kes ini, tiada sebarang akujanji sedemikian yang telah diberikan oleh pempetisyen. Mungkin ini kerana pempetisyen beranggapan permohonannya bukan merupakan satu permohonan injunksi mandatori. Oleh itu, saya berpendapat bantahan awal kelima responden ini adalah bermerit dan boleh diterima dan dibenarkan.

Bantahan pempetisyen terhadap bantahan awal responden

Peguam pempetisyen menghujahkan bahawa bantahan awal yang dibuat oleh responden tidak patut diterima kerana responden gagal memberikan notis mengenainya dalam tempoh yang mencukupi. Peguam pempetisyen menghujahkan bahawa responden telah gagal untuk mematuhi kehendak Kaedah-Kaedah Majlis Peguam No 19 Tahun 1997 mengenai 'Notis Bantahan Awal' yang menyatakan peguamcara yang hendak menimbulkan

sesuatu bantahan awal hendaklah memberi notis bertulis kepada pihak yang lagi satu dalam tempoh sekurang-kurangnya 48 jam sebelum pendengaran bantahan awal tersebut. Dakwaan peguam pempetisyen ialah notis mengenai bantahan awal hanya diserahkan kepada mereka pada 11 April 2001 (jam 12.34pm), walhal pendengaran saman dalam kamar (kandungan 3) ditetapkan pada 13 April 2001 (kemudian ditangguhkan kepada 20 April 2001).

Isu yang sama telahpun saya pertimbangkan dan putuskan baru-baru ini di dalam kes *Utama Merchant Bank Bhd v Dato' Mohd Nadzmi Mohd Salleh* [2001] 1 MLJ 317. Dalam kes tersebut, isu mengenai Kaedah-Kaedah Majlis Peguam No 19 Tahun 1997 juga telah ditimbul dan dipertimbangkan sama. Di dalam kes tersebut saya telah memutuskan bahawa Kaedah Majlis Peguam No 19 Tahun 1997 tersebut tidak dapat membantu dalam perkara itu kerana kaedah itu sendiri memperuntukkan bahawa kaedah tersebut tidak akan menjejaskan bidang kuasa atau budi bicara mahkamah dalam perkara itu dan juga sekiranya pihak pemohon gagal mematuhi tempoh 48 jam tersebut, remedi bagi pihak yang lagi satu ialah untuk memohon penangguhan pendengaran bantahan awal tersebut dan pemohon tidak boleh membantah permohonan penangguhan tersebut. Tidak ada di mana-mana di dalam kaedah tersebut yang menyatakan sesuatu bantahan awal berkenaan akan terbatal sekiranya tempoh notis 48 jam tersebut tidak dipatuhi oleh pemohon. Kalau pempetisyen betul-betul terganggu dengan notis bantahan awal yang pendek (kurang daripada 48 jam), peguam pempetisyen sepatutnya memohon untuk penangguhan. Walau bagaimanapun, permohonan penangguhan tersebut tidak diperlukan kerana pendengaran bantahan awal itu (yang ditetapkan pada 13 April 2001) telah ditangguhkan kepada 20 April 2001 oleh mahkamah sendiri.

Pada 20 April 2001, pempetisyen telah diberi tempoh sehingga 24 April 2001 untuk memfailkan hujahan bertulisnya berkaitan dengan bantahan awal tersebut. Dalam keadaan sedemikian, pempetisyen diberikan tempoh yang lebih panjang daripada 48 jam (11 April 2001 hingga 24 April 2001) untuk menyediakan hujahannya berkaitan bantahan awal tersebut.

Mengenai kedudukan undang-undang pula, banyak autoriti-autoriti yang menyatakan notis awal bagi bantahan awal bukannya satu keperluan undang-undang. Ianya hanyalah merupakan satu amalan yang elok (good practice) sahaja. Kegagalan oleh pemohon untuk memberikan notis awal tersebut kepada pihak yang lagi satu tidak akan membatalkan atau menutup pintu bagi pemohon untuk menimbulkan bantahan awal. Keputusan sedemikian telahpun diputuskan di dalam kes-kes *Sii Toh Siong v Hung Ming Chu* [2000] 2 MLJ 204; *Datuk Bandar Kuala Lumpur v Seman bin Amat & Ors* [1996] 3 CLJ 263; *Jasabena Sdn Bhd v Beh Heng Poo & Anor* [1985] 1 MLJ 394; *Gurbachan Singh v Seagrott & Campbell (No 2)* [1962] 28 ML 370; *Ooi Chew Seng v Ultratech Sdn Bhd* [1997] 5 CLJ 421 dan kes *Dr Woo Kin Chong v Mary Ou Holdings Sdn Bhd* [1997] 5 CLJ 164.

Berdasarkan otoriti-otoriti di atas saya memutuskan bahawa bantahan pempetisyen terhadap notis singkat bagi bantahan awal responden adalah tidak bermerit dan tidak dapat diterima.

Di dalam hujahannya juga peguamcara pempetisyen mendakwa responden telah melakukan kesalahan-kesalahan 'sumpah bohong', penghinaan mahkamah dan kesalahan-kesalahan di bawah ss 191–196 Kanun Jenayah, bersabit dengan isi kandungan afidavit-afidavit yang difailkan. Peguam pempetisyen memohon agar mahkamah mengambil tindakan jenayah terhadap responden dan peguamcaranya.

Saya telah meneliti isi kandungan dakwaan-dakwaan yang dibuat oleh peguamcara pempetisyen dan berpendapat bahawa dakwaan tersebut, kalaupun benar, tidak menjejaskan isu-isu yang ditimbulkan dalam prosiding bantahan awal ini. Dakwaan-dakwaan tersebut, kalau benar, adalah merupakan dakwaan yang serius. Tindakan yang perlu diambil oleh peguamcara pempetisyen ialah dengan memfailkan prosiding penghinaan mahkamah yang berasingan atau membuat laporan polis supaya tindakan selanjutnya boleh diambil oleh pihak polis.

Keputusan mahkamah

Berdasarkan pertimbangan di atas, saya berpuashati dan menerima bantahan-bantahan awal pertama, ketiga, keempat dan kelima seperti yang ditimbulkan oleh responden. Oleh itu, saya memutuskan permohonan pempetisyen di dalam saman dalam kamar (kandungan 3) ditolak dengan kos.

Permohonan pempetisyen ditolak dengan kos dan bantahan awal (i), (iii), (iv) dan (v) responden diterima

Dilaporkan oleh Moy Saw Han